

SUK.D200(06)600/9/Jld.19(20)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2026

**BAYARAN INSENTIF KHAS KEWANGAN
KEPADA PENOLONG PEGAWAI TADBIR
DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 3/2026 yang bersidang pada 25 Februari 2026 mengenai Bayaran Insentif Khas Kewangan Kepada Penolong Pegawai Tadbir Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri terus dipelihara di samping memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap, berkesan dan responsif kepada keperluan semasa. Penolong Pegawai Tadbir merupakan antara kumpulan pelaksana utama yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran urusan pentadbiran dan operasi harian jabatan. Skop tugas yang dilaksanakan meliputi pelbagai aspek termasuk pengurusan pejabat, penyelarasan program, penyediaan dokumentasi rasmi serta sokongan kepada pegawai atasan.
- 2.2 Seiring dengan peningkatan beban tugas dan kompleksiti perkhidmatan, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa satu bentuk pengiktirafan yang sewajarnya perlu diberikan.
- 2.3 Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 3 Tahun 2026 yang telah bersidang dan disahkan pada 25 Februari 2026 membuat keputusan bersetuju meluluskan Bayaran Insentif Khas Kewangan Kepada Penolong Pegawai Tadbir Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

3. PEGAWAI YANG LAYAK

Pegawai yang layak menerima Bayaran Insentif Khas Kewangan adalah dengan memenuhi syarat kelayakan seperti berikut:

- a) Pegawai lantikan tetap dan telah diberi taraf berpencen;
- b) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- c) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam perkhidmatan;
- d) Telah mengisytihar harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa;
- e) Pegawai adalah Penilai Pertama (PPP) atau Penilai Kedua (PPK) atau kedua-duanya sekali bagi Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT);
- f) Memperoleh markah LNPT sekurang-kurangnya 85% pada tahun semasa;
- g) Bebas dari tindakan atau hukuman tatatertib; dan
- h) Pegawai adalah penyelia di Jabatan/ Agensi/ Bahagian

4. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

Pembayaran ini tidak layak diberikan kepada;

- (a) Belum mendapat taraf berpencen;
- (b) Belum disahkan dalam perkhidmatan;
- (c) Tempoh perkhidmatan kurang daripada 3 tahun;
- (d) Tidak mengisytihar harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa;
- (e) Markah LNPT kurang dari 85% pada tahun semasa;
- (f) Bukan merupakan Pegawai Penilai Prestasi Tahunan bagi Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) Jabatan atau Agensi atau Bahagian
- (g) Pegawai bukan penyelia di Jabatan/ Agensi/ Bahagian
- (h) Pegawai dalam proses tindakan tatatertib dan sedang menjalani hukuman tatatertib.

5. PELAKSANAAN PEMBAYARAN

Pegawai yang layak sebagaimana di perenggan 3 akan dibayar mengikut kadar sebagaimana berikut:-

BIL	GRED	KADAR SEBULAN
1.	N5	RM 180.00
2.	N6	
3.	N7	RM 200.00
4.	N8	RM 225.00

6. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2026**.

7. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri untuk diterima pakai.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”



DATO' HAJI AZI RAHIMEE BIN MOHAMED, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : **02** Zulkaedah 1447H

20 April 2026

SENARAI EDARAN:

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan